

DIPANGGIL DENGAN NAMA

Fokus: Setiap kita dipanggil dengan nama dan itu menjadikan kita sangat unik.


Yesus memanggil kedua belas murid-Nya dengan nama kerana Dia mahukan mereka menjadi milik-Nya. Dengan cara yang sama, Allah memanggil kita dengan nama kita kerana Dia mempunyai rencana-Nya bagi setiap kita.

Lagu Pembukaan: Ku disini Tuhan (*Here I am, Lord*)

* Oh Tuhanku, ku disini,
ku mendengar seruan suci-Mu
Utus aku, pimpin aku,
umat-Mu s'lalu di hatiku

Ku Tuhan alam semesta,
Kudengar tangisanmu,
Yang hiba dalam gelap, akan Ku-bantu
Ku Tuhan pencipta alam,
Ku-terangi kegelapan,
Siapa 'kan memimpinmu, siapa Ku utus*

Ku Tuhan hujan dan cah'ya,
Ku pikul kesengsaraan
Pengorbanan 'tuk umat-Ku,
namun kau engkar
Ku melembutkan hati, hanya curahkan kasih
Ku
Siapa 'kan menginjil mu, siapa Ku utus *



Doa pembukaan: *Dijemput seseorang untuk memimpin kita dalam doa pembukaan untuk menjemput Yesus di tengah kita.*

I. LIHAT KEPADA KEHIDUPAN

Apabila KED dimulakan, paderi paroki menggalakkan kami untuk menyertai pertemuan KED. Namun begitu, tidak pernah terlintas di hati saya untuk menyertai pertemuan KED ini. Enam tahun yang lalu, Martin dan Joseph memujuk saya untuk menghadiri pertemuan KED; saya menolak kerana alasan kerja dan keluarga. Walaubagaimanapun, mereka tetap melawat dan berbual mesra dengan saya. Pada suatu hari, mereka telah meminta saya untuk mengadakan pertemuan KED dan doa kelompok di rumah saya. Kali ini, saya menerima permintaan tersebut kerana begitu malu untuk menolak lagi. Sejak hari itu, saya mula menghadiri pertemuan KED yang diadakan pada setiap bulan. Malah, saya juga telah bersetuju menerima tanggungjawab sebagai salah seorang daripada ahli komiti (kumpulan teras).

Menjadi ahli KED telah banyak membantu saya memperbaiki hubungan saya dengan jiran tetangga. Melalui perkongsian Sabda Allah, saya telah belajar bagaimana firman-Nya berkait rapat dengan kehidupan kita. Selain itu, kita juga dapat saling menyokong di antara satu sama lain dalam perjalanan iman kita. Kini, saya sedar bahawa saya telah dipanggil dengan nama untuk menjadi sebahagian daripada keluarga KED.

Renungan:

- Selepas mendengar cerita tersebut, kongsi panggilan Allah dan rencana-Nya untuk anda dalam KED. (Kongsi dalam kumpulan kecil.)

2. MENDENGAR ALLAH BERSABDA Mrk 3: 13-19

- Baca petikan sebanyak dua kali.
- Pilih kata atau frasa pendek dari teks tersebut. Ungkapkan dengan suara yang kedengaran kuat dalam suasana doa sebanyak tiga kali dan hening sejenak di antara ungkapan itu.
- Renungkan kata atau frasa pendek yang dipilih dalam keadaan senyap selama dua minit.
- Dalam kumpulan kecil, kongsikan perkataan atau frasa yang menyentuh hati anda.
- Kongsikan juga peristiwa di mana anda telah mendengar panggilan Allah dan menjawab panggilan itu.
- Dalam kumpulan kecil, lakukan aktiviti berikut:
Setiap orang mengambil sehelai ‘daun’. Tuliskan nama anda dan nama seseorang di kawasan anda yang belum pernah atau sudah lama tidak menyertai pertemuan KED.

Nota: Fasilitator perlu menyediakan peralatan berikut sebelum pertemuan:

- Kertas mahjong dengan lukisan sebatang pokok dan dahan-dahannya sahaja.
- Kertas hijau berbentuk daun dengan “double-sided tape” di belakang. (Sediakan secukupnya untuk setiap orang yang hadir)
- Pen secukupnya.

3. HIDUP DALAM CINTA KASIH (dalam kumpulan besar)

Fasilitator mempamerkan kertas mahjong dengan lukisan pokok padanya.

1. Setiap orang melekatkan daunnya pada dahan pokok dan menyebut nama yang ditulis dengan kuat. Orang lain berdoa dengan senyap untuk setiap nama yang disebut.
2. Bincangkan tindakan yang perlu dilakukan (apa, bagaimana dan bila) untuk mereka yang didoakan.
3. Laporkan aktiviti KED sejak pertemuan yang lepas. *(jika ada)*
4. Bawa ‘pohon KED’ yang telah dibuat ke pertemuan KED yang seterusnya untuk tindakan susulan.

Doa Penutup

Mintalah setiap anggota KED untuk mendoakan:

- keperluan KED dan Paroki
- perancangan tindakan yang telah dibincangkan. *(dalam kata-kata /bahasa mereka sendiri)*

Lagu Penutup: Panggilan Tuhan

* Oh giranglah, Alleluia
Oh giranglah, puji Tuhan
Yesus amat cinta pada saya
Oh giranglah

1. Dengar Dia panggil nama saya
Dengar Dia panggil nama mu
Dengar Dia panggil nama saya
Juga Dia panggil nama mu.

3. Ku jawab ya, ya, ya
u jawab ya, ya, ya
Ku jawab ya, Tuhan, ku jawab ya, Tuhan
Ku jawab ya, ya, ya



Liturgi: Pesta Penampakan Tuhan (2 Februari 2014)